

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Dato' Hasbullah Bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah negara mempunyai bekalan tabung darah yang mencukupi bagi menampung keperluan yang sedia ada.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bekalan darah semasa di seluruh negara adalah mencukupi secara keseluruhannya buat masa ini. Secara purata, 2,000 unit beg darah diperlukan setiap hari untuk kegunaan hospital-hospital di seluruh negara. Ini bermakna adalah kritikal bagi Pusat Darah Negara (PDN) dan Tabung-tabung Darah di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia mendapatkan 2,000 orang penderma darah setiap hari bagi memenuhi keperluan pesakit.

Memandangkan darah yang didermakan adalah sumber yang amat berharga dan terhad, Perkhidmatan Perubatan Transfusi, KKM beroperasi sebagai satu rangkaian (*network*) dalam memastikan bekalan dan penggunaan darah berada pada paras optimum pada

setiap masa serta memastikan perkhidmatan kepada penderma darah dan pesakit adalah selamat dan berkualiti. PDN akan memantau kedudukan bekalan stok darah seluruh negara melalui '*Malaysia Blood Stock System, MyBSS*' yang mana kedudukan bekalan stok darah dikemaskini di hospital-hospital KKM secara berkala.

Pelbagai usaha diambil bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dalam keperluan menderma darah bagi memastikan bekalan darah semasa adalah mencukupi. Antaranya, meningkatkan bilangan kempen derma darah bergerak, menggunakan media termasuk media sosial bagi penyampaian maklumat dan bekerjasama dengan pelbagai agensi dan organisasi untuk menganjurkan kempen derma darah. PDN juga telah mengambil inisiatif memperkenalkan "Stok Bekalan Darah Semasa" bagi memudahkan orang ramai untuk mengetahui status bekalan darah di PDN yang dikemaskini setiap hari menggunakan sistem lampu isyarat di laman *facebook* PDN. Menerusi sistem ini, warna hijau adalah menunjukkan bekalan darah berada di tahap selamat, kuning di tahap berjaga-jaga manakala merah adalah di tahap rendah.

KKM amat menghargai setiap para penderma darah dan penganjur kempen derma darah dari semua lapisan masyarakat yang tampil menderma darah untuk menyelamatkan dan merawat pesakit. Pada masa yang sama, KKM juga berharap lebih ramai penderma akan tampil sebagai *regular donor* dan pelbagai pihak akan turut serta mengadakan kempen derma darah di tempat kerja atau di peringkat komuniti masing-masing bagi memastikan bekalan darah adalah sentiasa mencukupi sepanjang masa.